



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 14

2hb Julai 2020

*TAMBAHAN No. 8
PERUNDANGAN*

Pg. P.U. 19.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN
(MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI) JALAN, PARIT DAN
BANGUNAN 2020**

Pg. P.U. 19.**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974****UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN
(MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI) JALAN, PARIT DAN
BANGUNAN 2020**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Undang-undang Kecil

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**KOMPAUN**

3. Pengkompaunan kesalahan-kesalahan
4. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

BAHAGIAN III**AM**

5. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA**JADUAL KEDUA**

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN
(MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI) JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan, Parit dan Bangunan 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai; dan

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Seberang Perai.

BAHAGIAN II

KOMPAUN

Pengkompaunan kesalahan-kesalahan

3. (1) Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam ruang A Jadual Pertama boleh dikompaun dengan jumlah bayaran sebagaimana dinyatakan dalam ruang B Jadual Pertama.

(2) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah perenggan (1) dengan

membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu, untuk mengkompaunkan kesalahan itu dengan membayar kepada Majlis sejumlah wang bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Walau apa pun perenggan (3), jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar, orang itu hendaklah dituduh dengan kesalahan yang berhubungan dengan tawaran kompaun itu.

(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (2), dan orang itu tidak dituduh atas kesalahan itu, apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

4. (1) Jumlah kompaun yang boleh ditawarkan oleh Majlis bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus (15%) dan tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada kadar maksimum denda yang diperuntukkan dalam Akta.

(2) Segala wang pembayaran kompaun hendaklah dibayar dengan wang tunai, kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan hendaklah dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(3) Walau apa pun perenggan (2), pembayaran juga boleh dibuat secara bayaran atas talian atau melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(4) Pembayaran boleh diserahkan di pejabat Majlis atau di mana-mana cawangan yang ditetapkan oleh Majlis, dan jika bayaran dibuat melalui pos, bayaran itu hendaklah dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seberang Perai.

(5) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dimasukkan sebagai wang hasil Majlis Bandaraya Seberang Perai dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang telah diberikan tawaran mengkompaun itu.

(6) Tawaran untuk mengkompaun sebarang kesalahan tersebut dan penerimaan tawaran hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Kedua.

BAHAGIAN III

AM

Pembatalan dan peruntukan peralihan

5. (1) Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan 1980 [Pg.P.U. 39] bertarikh 20 November 1980 adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah undang-undang kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN (MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI) JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2020

[Undang-undang kecil 3]

A

B

Kesalahan-Kesalahan	Had Jumlah Minimum/ Maksimum Bayaran Kompaun
Seksyen-seksyen – 72(4), 84(2) dan 124(3).	Tidak kurang daripada RM37.50. Tidak melebihi RM125.00.
Seksyen-seksyen – 4(3), 29, 30, 31, 38, 46, 47(1), 56, 57, 76(2), 78(2), 79(4), 87(5) dan 104(3).	Tidak kurang daripada RM75.00. Tidak melebihi RM250.00.
Seksyen-seksyen – 9(9), 34, 40, 41, 42, 43, 47(2), 55, 58, 59, 80, 100 dan apa-apa kesalahan lain di bawah Akta yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata.	Tidak kurang daripada RM150.00. Tidak melebihi RM500.00.
Seksyen-seksyen – 9(7), 52, 82(3) dan 85(3) Akta atau kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta.	Tidak kurang daripada RM300.00. Tidak melebihi RM1,000.00.

A	B
Kesalahan-Kesalahan	Had Jumlah Minimum/ Maksimum Bayaran Kompaun
Seksyen-seksyen – 16(3) dan 17(4).	Tidak kurang daripada RM750.00. Tidak melebihi RM2,500.00.
Seksyen-seksyen –73(1), 73(2) dan 121.	Tidak kurang daripada RM1,500.00. Tidak melebihi RM5,000.00.
Seksyen-seksyen – 70(11) dan 70(12).	Tidak kurang daripada RM3,750.00. Tidak melebihi RM12,500.00.
Seksyen-seksyen – 39(1), 70(13) dan 70A(9).	Tidak kurang daripada RM7,500.00. Tidak melebihi RM25,000.00.
Seksyen-seksyen – 39(2), 70B(15) dan 85A(13).	Tidak kurang daripada RM15,000.00. Tidak melebihi RM50,000.00.
Seksyen – 71.	Tidak kurang daripada RM75,000.00. Tidak melebihi RM250,000.00.

JADUAL KEDUA

**UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-
KESALAHAN (MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI JALAN,
PARIT DAN BANGUNAN 2020**

[Undang-undang kecil 4]

BORANG 1**TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN**

Kepada:

.....
.....

Rujukan:.....

Menurut aduan yang diterima, kamu telah didapati melakukan kesalahan berikut:

Peruntukan undang-undang yang berkaitan:

Tarikh: Waktu:

Tempat:

Butir-butir kesalahan:

2. Menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan, Parit dan Bangunan 2020, saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak Ringgit Malaysia
.....
(RM).

Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai, kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” atau boleh diserahkan dengan sendiri ke alamat yang berikut :

.....
Pembayaran melalui pos hendaklah dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seberang Perai. Resit rasmi akan dikeluarkan apabila kompaun dibayar. Pembayaran juga boleh dibuat secara bayaran atas talian atau melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

3. Tawaran ini hendaklah tamat pada Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada tindakan undang-undang akan diambil terhadap kamu berhubung dengan kesalahan tersebut. Jika tidak, pendakwaan akan dijalankan tanpa notis selanjutnya atas kesalahan yang dinyatakan di atas.

Bertarikh

*

* (Untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya hendaklah dinyatakan di bawah tandatangan).

PENERIMAAN TAWARAN MENGKOMPAUN

Kepada:

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan dan bertarikh Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama-sama ini *wang tunai/kiriman wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/bank draf No./bayaran secara atas talian (resit disertakan) untuk jumlah sebanyak Ringgit Malaysia:
..... (RM.....) bagi menjelaskan bayaran kompaun itu.

* Potong mana yang tidak berkenaan.

Tandatangan:

Nama (Huruf Besar):

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

Tarikh:

Dibuat pada 22 Mei 2020

[PSUKPP(R)/04/0752/4-22 Klt 74(16); MBSP/99/1-4/81;
PUNPP 352/100/1/2/SUB/69]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Pulau Pinang

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING COMPOUNDING OF OFFENCES (SEBERANG PERAI CITY COUNCIL) BY-LAWS 2020

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-law

1. Short title, commencement and application
2. Interpretation

PART II

COMPOUND

3. Compounding of offences
4. Sum to be collected and method of payment

PART III

GENERAL

5. Revocation and transitional provision

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING COMPOUNDING OF OFFENCES (SEBERANG PERAI CITY COUNCIL) BY-LAWS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], the State Authority makes the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Short title, commencement and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Street, Drainage and Building Compounding of Offences (Seberang Perai City Council) By-Laws 2020**.
(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.
(3) These By-Laws shall apply to the administration area of Seberang Perai City Council.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Act” means Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*];

“Mayor” means Mayor of Seberang Perai City Council; and

“Council” means Seberang Perai City Council.

PART II

COMPOUND

Compounding of offences

3. (1) The offences specified in column A of the First Schedule hereto may be compounded by the payment of such amount as specified in column B of the First Schedule.
(2) The Mayor or any officer authorised in writing by the Mayor may, with the written consent of the Public Prosecutor, compound any offence committed under paragraph (1) by making a written offer to the person suspected of having committed the offence, to compound the offence by paying to the Council of an amount of money for that offence within the period specified in the offer.

(3) An offer under paragraph (2) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted.

(4) Notwithstanding paragraph (3), if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer, or within such extended period allowed by the Mayor or by any officer authorised in writing by the Mayor, that person shall be charged with an offence in relation to the offer of compound.

(5) If an offence has been compounded under paragraph (2), and the person is not charged for such offence, anything seized in connection with the offence may be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

Sum to be collected and method of payment

4. (1) Amount of compound that may be offered by the Council for compounding offences shall not be less than fifteen per centum (15%) and shall not exceed fifty per centum (50%) of the maximum amount of a fine as provided by the Act.

(2) Payment of the sum shall be made in cash, money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the Mayor of Seberang Perai City Council and crossed with the word "Account Payee only".

(3) Notwithstanding paragraph (2), payment may also be made by online payment or by any other methods determined by the Council from time to time.

(4) Payment may be delivered to the office of the Council or to any branch offices determined by the Council but if the payment is sent by post, the payment shall be addressed to the Mayor of Seberang Perai City Council.

(5) Every payment received shall be credited as the revenue of Seberang Perai City Council and an official receipt shall be issued to the person to whom the offer to compound was made.

(6) An offer to compound and acceptance of such offer shall be made in Form 1 of the Second Schedule.

PART III

GENERAL

Revocation and transitional provision

5. (1) Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) By-Laws 1980 [Pg. P.U. 39] dated 20 November 1980 is revoked.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed by-laws shall be deemed to be made or issued under these By-Laws and shall continue to remain in force until revoked thereof.

FIRST SCHEDULE

**STREET, DRAINAGE AND BUILDING COMPOUNDING OF OFFENCES
(SEBERANG PERAI CITY COUNCIL) BY-LAWS 2020**

[By-Law 3]

A	B
Offences	Limit of Minimum/Maximum Sum Payable on Compound
Sections – 72(4), 84(2) and 124(3).	Not less than RM37.50. Not exceeding RM125.00.
Sections – 4(3), 29, 30, 31, 38, 46, 47(1), 56, 57, 76(2), 78(2), 79(4), 87(5) and 104(3).	Not less than RM75.00. Not exceeding RM250.00.
Sections – 9(9), 34, 40, 41, 42, 43, 47(2), 55, 58, 59, 80, 100 and any other offences under the Act in which no penalty is expressly provided for it.	Not less than RM150.00. Not exceeding RM500.00.
Sections – 9(7), 52, 82(3) and 85(3) or offences under any by-laws made under the Act.	Not less than RM300.00. Not exceeding RM1,000.00.
Sections – 16(3) and 17(4).	Not less than RM750.00. Not exceeding RM2,500.00.
Sections – 73(1), 73(2) and 121.	Not less than RM1,500.00. Not exceeding RM5,000.00.
Sections – 70(11) and 70(12).	Not less than RM3,750.00. Not exceeding RM12,500.00.
Sections – 39(1), 70(13) and 70A(9).	Not less than RM7,500.00. Not exceeding RM25,000.00.
Sections – 39(2), 70B(15) and 85A(13).	Not less than RM15,000.00. Not exceeding RM50,000.00.
Section – 71.	Not less than RM75,000.00. Not exceeding RM250,000.00.

SECOND SCHEDULE

STREET, DRAINAGE AND BUILDING COMPOUNDING OF OFFENCES
(SEBERANG PERAI CITY COUNCIL) BY-LAWS 2020

[By-Law 4]

FORM 1

AN OFFER TO COMPOUND

To:

.....
.....

Reference:

On complaint received, you have committed the following offence:

Relevant provision of the law:

Date: Time:

Place:

Particulars of offence:

2. By virtue of the authority conferred on me by the Street, Drainage and Building Compounding of Offences (Seberang Perai City Council) By-Laws 2020, I hereby offer to compound the offence for the sum of Ringgit Malaysia (RM.....).

If this offer is accepted, payment shall be made in cash, money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the Seberang Perai City Council and crossed with the words "Account Payee only" or may be delivered personally to the following address:

.....
.....

Payment by post shall be addressed to the Mayor of Seberang Perai City Council. An official receipt will be issued upon payment of the compound. Payment may also be made by online payment or by any other methods determined by the Council from time to time.

3. This offer shall lapse on If full payment of the sum stated above is received by or on the close of business on that date, no further proceedings will be taken against you in respect of the said offence. Otherwise, prosecution will be instituted without further notice on the stated offence above.

Dated

*

* (To be signed by an authorised officer in which his name and designation to be stipulated below the signature).

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND

To:

The Mayor,
Seberang Perai City Council

I refer to the offer to compound an offence bearing reference
..... and dated I accept the offer and
enclose herewith *cash/money order/postal order/cashier's order/banker's draft
No./online payment (receipt attached) for the sum of
Ringgit Malaysia:
.....(RM.....) in full settlement of the compound.

**Delete where necessary.*

Signature :

Name (Block Letters) :

N.R.I.C. No :

Address :

.....
Date :

Made on 22 May 2020
[PSUKPP/(R)/04/0752/4-22 Klt 74 (16); MBSP/99/1-4/81;
PUNPP 352/100/1/2/SUB/69]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
Secretary
State Executive Council
Penang